



Fakta

Edisi III - 2007 • Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia • www.youth.org.my

Belia Malaysia Teguh Menjana Perpaduan Menjelang 2057

I Negara menyambut kemerdekaan ke-50 pada tahun ini dalam keadaan aman damai hasil daripada integrasi dan toleransi kaum yang telah dibina sejak 50 tahun yang lalu. Kesenambungan perpaduan dan kemakmuran Malaysia diterjemahkan melalui pelbagai aspek amalan gaya hidup termasuklah dari segi faktor kejiranan, perkhidmatan, keraian, pendidikan, pemakanan dan kestabilan ekonomi.

Kajian terkini oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mendapati belia pada hari ini tidak lagi menampilkan ciri-ciri perkauman yang kental dalam beberapa aspek kehidupan mereka. Ini tentulah suatu petanda yang positif bagi masa depan sebuah negara berbilang keturunan seperti di Malaysia.

Golongan belia yang besar jumlahnya (11.1 juta) adalah benteng terakhir bagi negara ini mempertahankan keutuhannya dalam menghadapi apa juga serangan baik dari luar mahupun dari dalam. Sikap belia pada hari ini seperti yang diperolehi daripada kajian ini, mencerminkan penerimaan mereka yang baik tanpa prejudis terhadap semua kaum di Malaysia.

Kajian ini meninjau empat aspek yang dianggap penting dan dapat memberi petunjuk tentang sikap belia dalam kehidupan seharian

mereka. Belia yang dikaji ditanyakan pendirian mereka apabila memilih untuk memiliki rumah. Kajian menunjukkan bahawa belia kini tidak lagi terperuk dalam lingkungan bangsa masing-masing seperti yang berlaku sebelum ini apabila kaum Melayu (63 peratus), Cina (62 peratus), India (56 peratus), Bumiputera Sabah/Sarawak (68 peratus) dan lain-lain kaum (60 peratus) memilih keselesaan sebagai faktor pemilihan rumah. Mereka nampaknya lebih terbuka dan tidak lagi bimbang atau ragu-ragu untuk hidup bersama bangsa lain dalam lingkungan pelbagai bangsa. Rata-rata setiap bangsa yang diwakili oleh belia yang dikaji menunjukkan peratusan yang tinggi mementingkan keselesaan dan bukannya ciri bangsa yang mendiaminya. (Rujuk Graf 1).

Belia dalam kajian ini juga ditanya apakah yang menjadi keutamaan apabila membeli sebuah kereta baru iaitu, sama ada memberikan

prioriti kepada bangsa penjual kereta ataupun melihat kepada keselesaan khidmat lepas jualan yang bakal diterima. Mereka nampaknya sangat tidak mementingkan bangsa tetapi lebih mengutamakan perkhidmatan terbaik yang bakal diperolehi. Ini terbukti apabila kajian menunjukkan peratusan mengikut kaum yang mengutamakan perkhidmatan terbaik adalah 58 peratus bagi kaum Melayu, 52 peratus bagi kaum Cina, 50 peratus bagi kaum India dan golongan Bumiputera Sabah/Sarawak serta 60 peratus bagi lain-lain.

Ini bermakna penjual kereta tidak boleh menarik pembeli daripada kaumnya tanpa menjamin pembeli mendapat khidmat terbaik. Bahkan kajian ini menunjukkan jika penjual dapat memastikan khidmat terbaik, mereka dapat menarik pembeli daripada semua bangsa. (Rujuk Graf 2).

... Sambungan

Dalam hal penghantaran anak-anak ke sekolah pula, kajian menunjukkan bahawa ibu bapa pada hari ini lebih memilih untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan berbanding ke sekolah yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Dengan peratusan kaum Melayu sebanyak 91 peratus, Cina 64 peratus, India 78 peratus, Bumiputera Sabah/Sarawak 93 peratus dan lain-lain kaum 80 peratus yang memilih sekolah kebangsaan merupakan petanda keyakinan ibu bapa terhadap sekolah kebangsaan selain memperlihatkan kejayaan dasar pendidikan dan dasar bahasa yang diamalkan di negara ini. Bahasa Malaysia nampaknya menjadi alat perpaduan kaum yang berkesan. (Rujuk Graf 3).


Aspek pendidikan awal merupakan platform utama dalam menyemai benih perpaduan ibarat kata pepatah, *'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'*. Institusi pendidikan zaman pramerdeka yang wujud secara berasingan apabila setiap kaum menubuhkan sekolah mereka iaitu sekolah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil dengan menggunakan bahasa pengantar, kurikulum, buku dan guru masing-masing, telah melebarkan jurang perpaduan. Sebaik mencapai kemerdekaan, Ordinan Pelajaran 1957 digubal berdasarkan perakuan Laporan Razak (1956) yang mengutamakan perpaduan dan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan. Perakuan Laporan Razak dikaji semula oleh Jawatankuasa Rahman Talib pada tahun 1960 dan menjadi asas penggubalan Akta Pelajaran 1961 yang menggariskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama bagi semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama untuk semua pelajar. Dengan kecenderungan ibu bapa kini menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan, nyatalah bahawa kita berada pada landasan yang betul.

Masa depan ekonomi negara ini juga diyakini akan bertambah baik dan ini tentulah akan dapat mengekalkan keharmonian di antara kaum. Hasil kajian membuktikan majoriti (82 peratus) menyatakan keadaan ekonomi semakin baik. Berdasarkan sejarah dan pengalaman negara ini, masalah ekonomi dapat memberi kesan terutama kewujudan jurang antara kaum dan ini jika tidak dibendung akan dapat mencetus rasa cemburu sehingga membawa kepada permusuhan antara kaum. (Rujuk Graf 4).


Pada hari ini, kita melihat orang Cina menjual asam laksa dan nasi lemak, manakala orang Melayu memakan mi, kueh tiaw, yong tau foo, roti nan, capati dan tosay. Demikian pula orang India makan apa saja yang dimakan oleh rakan mereka di kalangan Melayu dan Cina. Perayaan besar disambut bersama dengan menghidangkan makanan pelbagai kaum. Semua ini terhasil daripada jalan awal yang dirintis oleh pemimpin terdahulu daripada semua bangsa yang inginkan keharmonian dan perpaduan di negara ini. Dan semua ini akan terus menjadi ikon bersama pada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Ikon yang menjadi identiti sebuah bangsa Malaysia yang aman dan harmoni.

Demikianlah kajian ini sedikit sebanyak menjawab beberapa persoalan tentang masa depan dan keutuhan perpaduan masyarakat majmuk di negara ini menjelang 2057 dengan meninjau sikap dan cara hidup belia pada masa kini kerana mereka bakal menjadi warga yang matang suatu ketika nanti. Faktor kejiranan, aspek perkhidmatan dalam perniagaan, amalan kerajaan dan perayaan, pendidikan, pemakanan dan kestabilan ekonomi nampaknya berada dalam keadaan yang baik walaupun masih ada ruang yang boleh dibaiki dan dimantapkan.


Graf 1: Faktor Kejiranan




Graf 2: Faktor Perkhidmatan



Graf 3: Faktor Pendidikan



Graf 4: Jangkaan masa depan ekonomi negara





Edisi ketiga FAKTA, Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) pada kali ini membawa sedikit kelainan dari segi persembahan maklumat dan perkongsian idea.

Adakah masyarakat Malaysia boleh hidup lagi dengan harmoni dan bersatu padu menjadi satu persoalan dan cabaran menjelang 2057. Begitu juga dengan peranan generasi muda hari ini sebagai generasi pewaris pasca kemerdekaan. Bagaimanakah pula bentuk sumbangan mereka untuk disesuaikan dengan peredaran zaman dalam memartabatkan negara bangsa kita? Semua persoalan dirungkaikan mengikut pendekatan penyelidikan sains sosial.

'Di mana bumi dipijak, di situlah khidmat bakti tertumpah'. Semoga kita bersama-sama dapat menyelami dan melaksanakan program pembangunan belia tanpa meninggalkan elemen-elemen yang membina struktur peribadi jatidiri belia.

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim
Ketua Pegawai Eksekutif, IPPBM

Jelajah Belia, Fakta Belia & Generasi Belia

"Fahami serta hayati erti perjuangan sepanjang 50 tahun merdeka dan betapa pentingnya peranan belia sebagai pemangkin perubahan dalam pembangunan belia".

(Petikan ucapan YB Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri Belia dan Sukan Malaysia sewaktu Majlis Pelancaran Buku Jelajah Belia, Generasi Belia dan Fakta Belia pada 16 Ogos 2007 di Lobi Menara KBS, Putrajaya).

Sewaktu pelancaran itu juga beliau berharap agar buku-buku yang telah diterbitkan dijadikan sumber rujukan oleh semua pihak bagi membawa perubahan dalam pengurusan pembangunan belia selaras dengan hasrat kerajaan.

Isu dan maklumat terkini yang terkandung dalam penerbitan ini akan dapat membantu dalam membawa anjakan paradigma minda semua golongan. Ini secara tidak langsung dapat menggambarkan usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman belia mengenai tanggungjawab mereka untuk meneruskan pembangunan yang telah dicapai.

Majlis pelancaran ini diserikan dengan deklamasi sajak yang merupakan suara hati Menteri Belia dan Sukan bagi menyemarakkan dan membangkitkan semangat belia dalam menjayakan misi negara ke arah pembangunan modal insan.

SIDANG PENGARANG

PENAUNG

Prof. Dr. Samsudin A. Rahim

PENASIHAT

Y.M. Engku Mohd. Azmi Engku Mohd. Basri

KETUA PENGARANG

Juliana Soon Siew Fuang

PENOLONG KETUA PENGARANG

Aishah Hj. Kasa

KETUA EDITOR

Shariffah Mamat

SIDANG REDAKSI

Mastura Mohamad
Shahhanim Yahya
Nor Hamidah Hamzah
Nadya Shaffinaz Bajuri
Junaidi Awang Besar

PUBLISITI

Mohd Farius Bujang
Nuurul Mizaan Ya'cob
Ariffin Abdul Rahman



Sekitar upacara perasmian yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Puisi Jati Diri Belia

*Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti
Yang berputik kian mekar, yang mekar kian mewangi
Dan mewarnai ibu pertiwi*

*Bangunlah dan bangkitlah beliaiku,
semarakkan semangat juangmu,
tebarkan keringat dan jasamu,
dunia terbentang luas ini,
Menanti dan menagih baktimu*

*Siap seditlah beliaiku,
Cabaran menunggumu di setiap penjuru,
Berkat ilmu pengetahuanmu,
Walau apa jua mendatang, bukan lagi batu penghalang.
Itulah beliaiku,
Bersemangat waja, cecal jiwa, yakin diri*

*Teruskanlah...
Seiringkanlah langkah perjuanganmu
Membawa negara menuju mercu
Buat bekal generasi penerusmu...*

*Hasil Nukilan
Shariffah Mamat, IPPBM, 2007*

Language & communication literacy:

Transforming Malaysian Youth @ 21st Century through vocational training programmes

Most learners in the study are rural Malays. Most of them come from families earning between RM500 to RM1000. They have poor language proficiency in English. However, they and their parents are very aware of the importance of English for vocational work life. There is certainly a call for the vicious cycle of language proficiency and economic disadvantages to be broken. The sad irony which has merged from this study is that those who have independent learning strategies are those who have access to ICT and those who seem to have fewer problems in learning English. Hence, the greater need to provide language and ICT access to those who are doubly disadvantaged in terms of access to language communication, independence learning strategies and ICT strategies.

Beside a survey, this research included focused interviews involving Malaysian Vocational Training Institute learners. These focused interviews revealed the voices and perceptions of learners. Learners confirmed that they found there are



programmes that do not encourage them to speak and communicate in English. Presentations are not done neither is ICT provided. There is a palpable gap between what learners want out of the language communication programme with what they are currently experiencing.

Recommendations

This research recommends Reflexive Pluriliteracy (Koo, 2006 a, b, c) as theory and pedagogy for learners who are in need of an inclusive language education programme. Educationists, activists and parents need to confront the complexities that they and their learners experience in education, providing empowering ways into pathways of meaning-making and knowledge production in their journeys towards greater social justice, equity and empowerment in education and society.

Outgoing, independent and networked, engaged and confident communities of learners are created when they find relevance, understanding, opportunity and engagement in the language and vocational classroom. This has to be basic principle of engagement with learners. The fact remains that the socialisation of learners through a transmissive schooling system and a nationwide discourse defined by conventional notions of success in examinations for higher education and employability still pervades in language training

in vocational institutes. This fact has to be faced and overcome; otherwise a vicious circle of disempowerment will prevail.

The research has found that those with poor proficiency also tend to lack independent learning strategies and are simultaneously those who lack ICT confidence. This vicious cycle of disengagement must be broken to prevent a cycle of continuous disadvantage. A transformative education can do precisely that. Until educationists and teachers break this paradigm through thinking out of a box language educational policy, planning and classroom implementation at all levels; they cannot expect socioeconomically disadvantaged Malaysian youth to have a serious stake and voice in the global future. They are Malaysia's future. This is especially crucial as most of the youth identified are the Malay rural youth and those from poor socioeconomic classes – they need access and equity in the national and global order for the building of greater equity and social justice within the nation and globally. Of course, the ultimate commitment remains one which is to provide access and equity to all irrespective of their age, gender, class, ethnicity, ideology, religion and spirituality.

Penyelidik : Assoc. Prof. Dr. Koo Yew Lie (UKM)
Assoc. Prof. Dr. Hazita Azman (UKM)
Geran : IPPBM, Kementerian Belia dan Sukan



large gaps between the policy of emphasizing language learning with the classroom practice and support that they personally experienced. They complained about almost dominant and continuation of conventional school practices focused around text books and top down teacher talk characterized by formulaic learning and rote repetition. The learners in the focused interviews voiced out their discontentment about lack of institutional and classroom support for engaged and motivating language learning connected with vocational content. They expressed discontent with

Portal Belia: Koleksi Kertas Kerja



Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah membangunkan satu portal yang memfokuskan pelbagai bahan berkaitan dengan golongan belia. Seiring dengan kemajuan pesat dalam era dunia 'cyber', portal merupakan satu elemen penting yang diperlukan oleh sesebuah organisasi untuk memudahkan penyampaian maklumat secara lebih berkesan dan efisien.

Portal ini boleh diakses melalui url <http://www.youth.org.my>. Pelbagai bahan dan informasi yang dimuatkan mengikut klasifikasi boleh dijadikan sumber rujukan ilmiah. Antaranya termasuklah penyelidikan, penerbitan, kertas kerja, artikel dan dokumen.

Paparan skrin ruangan 'Kertas Kerja'



Untuk keluaran kali ini, Portal Belia memfokuskan kepada salah satu ruangan penting yang terdapat di dalam portal ini iaitu 'Kertas Kerja'.

Sehingga kini terdapat sebanyak 42 kertas kerja yang telah dimuatkan di dalam ruangan ini dan dipaparkan melalui 3 pautan untuk memudahkan pengguna mencapai tajuk-tajuk yang diminati.

Koleksi kertas kerja ini adalah hasil penyelidikan pensyarah-pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan agensi-agensi penyelidikan yang lain. Pengguna boleh memuat turun kertas kerja yang dikehendaki atau membaca terus dari portal. Kepelbagaian tajuk yang mengupas pelbagai sudut isu golongan belia amat menarik untuk dilayari dan dijadikan bahan bacaan ilmiah.

'Kebolehpasaran Lepas Program Latihan Kemahiran : Perbandingan Lepasn ILP dan IKM', 'Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih' dan 'Penguasaan Kemahiran Bolehkerja di kalangan Pelatih ILP dan IKM' adalah antara kertas kerja yang khusus mengupas tentang kebolehpasaran pelatih lepasan institut kemahiran.

Aspek penawaran dan permintaan di dalam pasaran kerja dapat difahami dengan meneliti setiap kupasan yang mendalam melalui data hasil soal selidik dan contoh-contoh senario yang berlaku. Penguasaan ilmu dan kemahiran amat penting kepada pelatih-pelatih untuk memasuki pasaran industri pekerjaan.

Turut dimuatkan beberapa kertas kerja yang berkaitan pemikiran dan pendidikan di kalangan belia. 'Kajian Pemikiran di Kalangan Belia' menyentuh

dengan mendalam bentuk pemikiran generasi muda di Malaysia dan meninjau faktor-faktor yang merangsang perubahan pemikiran mereka. Terbukti bahawa pemikiran juga boleh dinilai atau dianalisis melalui kaedah-kaedah tertentu berdasarkan model kajian-kajian terkemuka di seluruh dunia.

Isu-isu semasa yang tidak kurang menarik untuk dicapai termasuklah isu lepak, buli, fesyen dan perkembangan ICT. Isu lepak walaupun telah lama diperkatakan tetap relevan untuk diambil maklum oleh generasi belia kita kerana senario ini amat dekat dengan mereka. Kertas kerja yang bertajuk 'Tingkah Laku Lepak, Media dan Pengawasan Keluarga' mengupas dengan mendalam budaya lepak di kalangan remaja dan kaitannya dengan gejala sosial yang menular di dalam masyarakat kita.

Memandangkan golongan belia terlibat secara langsung dengan perkembangan teknologi dan komunikasi, pihak institut turut mengumpul kertas kerja yang berkaitan dunia ICT. Terdapat dua kertas kerja yang membincangkan senario ICT di kalangan generasi belia iaitu 'Belia dan ICT' dan 'Internet Usage Among Adolescent'.



Pihak institut turut merancang untuk mengenalpasti dan mengumpul kertas kerja daripada luar negara untuk mempelbagaikan lagi koleksi yang terdapat di dalam ruangan ini supaya dapat menarik minat dan memudahkan pengguna mendapatkan bahan-bahan ilmiah. Manakala hasil-hasil penyelidikan berkaitan yang lain pula akan dikemaskini dan ditambah dari semasa ke semasa.

Pihak pentadbir portal amat mengalu-alukan sebarang cadangan dan komen yang boleh menambahkan portal melalui ruangan maklum balas yang telah disediakan. Semoga ruangan kertas kerja yang terdapat di dalam portal belia ini dapat memberi manfaat dan menjadi laman rujukan yang berguna kepada semua pihak terutamanya golongan belia.

Selamat membaca dan melayari Portal Belia!

Belia Pemangkin Perubahan dan Kesedaran

“Kaum belia sebagai penghubung antara generasi harus membawa bersama mereka sejarah bangsa Malaysia moden ini supaya, walau dalam apa jua sekalipun, mereka yang datang kemudian akan sentiasa menghormati asas-asas dan persetujuan yang telah dicapai semasa kita memperjuangkan kemerdekaan Malaysia”.

(Jelajah Belia: Belia Pemangkin Perubahan dan Kesedaran)



Petikan di atas hanyalah sebahagian daripada mesej tersirat yang terdapat di dalam Buku Jelajah Belia iaitu salah satu penerbitan terbaik Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM). Buku Jelajah Belia yang diadaptasi dari program Jelajah Belia cuba mengimbuai kembali sumbangan belia kepada kemerdekaan negara dan sumbangan kerajaan kepada pembangunan belia dalam usaha mengisi kemerdekaan.

Jika diperhalusi, Bab Belia Pemangkin Perubahan dan Kesedaran mengajak belia kita untuk sama-sama merasai bagaimana peranan belia terdahulu di dalam usaha membangkitkan nasionalisme belia Melayu di dalam menuntut kemerdekaan dari penjajahan British. Kemuncak kebangkitan semangat nasionalisme di kalangan belia pra merdeka berlaku setelah kerajaan British memutuskan untuk menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai Tanah Jajahnya serta menghapuskan kedaulatan Raja-raja Melayu yang selama ini menjadi simbol ketuanan Melayu.

Diatas kesedaran bahawa orang Melayu akan mengemis di bumi sendiri sekiranya membiarkan British meneruskan perancangan mereka telah membakar semangat juang menentang British di kalangan sebilangan Pasukan Wataniah seperti Major Yeop bin Mahidin, Kapten Abdul Razak bin Dato' Hussein dan Leftenen Muhammad Ghazali Shafie. Mereka bertindak menghubungi Menteri Besar Johor, Dato' Onn bin Jaafar yang juga mempunyai jiwa kebangsaan yang tinggi untuk menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union. Hasilnya, pada 11 Mei 1946, United Malay National Organisation atau UMNO telah ditubuhkan dengan Dato' Onn bin Jaafar dilantik sebagai Yang Dipertua dan Kapten Hussein bin Dato' Onn sebagai Ketua Pemuda.

Dengan membawa slogan “Hidup Melayu” dan mendapat sokongan padu Raja-raja Melayu serta rakyat jelata, Malayan Union telah diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1948 telah mengiktiraf kedaulatan Raja-raja Melayu dan keperibumian orang Melayu. Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'aba, Cik Guru Buyung Adil dan Samad Ahmad daripada Persatuan Melayu Selangor serta akhbar-akhbar Melayu seperti Majlis dan Utusan Melayu yang didokong oleh wartawan muda Melayu telah bersama-sama memainkan peranan dalam gerakan menentang Malayan Union.

Pada 1951, perjuangan UMNO sebulat suara diterima untuk membawa slogan “Merdeka” hasil usulan wakil Pemuda menggantikan slogan “Hidup Melayu”. Bertitik-tolak daripada slogan itu, perjuangan UMNO bukan sahaja untuk membangkitkan semangat orang Melayu tetapi lebih bersemangat untuk berjuang membebaskan orang Melayu dan tanah air daripada belenggu penjajahan British.

Sehingga akhir, bab ini mengajak kita untuk menghayati sumbangan dan peranan belia yang bersemangat besar dalam perjuangan menentang Malayan Union sepertimana yang ditegaskan oleh Tun Abdul Razak Hussein, “belia adalah pemangkin perubahan”. Persoalannya, masih tidak cukupkah untuk menyedarkan kita generasi hari ini bahawa pengorbanan generasi belia terdahulu perlu ditebus dengan peranan yang lebih hebat daripada generasi pewaris kemerdekaan hari ini dalam mengekalkan kemerdekaan yang sebenar-benarnya MERDEKA buat bekal generasi kita kelak? Itulah peranan kita semua.

Ulasan buku




Menghayati Kerja Sukarela

Penulis : Azizan Bahari
Penerbit : Qarya Sdn. Bhd

Buku ini menyentuh pelbagai aspek dan persoalan penting di sekitar kesukarelawanan (*volunteerism*) di Malaysia. Ia bacaan asas dan ringkas bagi memahami dunia kesukarelawanan dan amat sesuai dijadikan bahan perbincangan dan panduan untuk para sukarelawan, pengurus, pemimpin dan aktivis gerakan sukarela serta fasilitator bengkel-bengkel sukarela.

Antara kupasan menarik dimuatkan di dalam buku ini adalah pada bab Merangsang Kerja Sukarela, Pembangunan Sukarela dan Budaya Sukarela di samping bab-bab lain seperti Kesukarelawanan, Makna dan Erti, Mengapa Kerja Sukarela dan banyak lagi.

Pembacaan buku ini bertepatan sekali dengan objektif program-program di Kementerian Belia dan Sukar yang mana berharapan besar untuk melahirkan sukarelawan belia sebagai pengisi modal insan. Justeru, buku ini diharapkan menjadi mekanisme penghubung antara hasrat kementerian dan tuntutan negara dalam melahirkan belia bersemangat sukarela yang tinggi.



Helping Adolescents and Adults to Build Self-Esteem

Penulis : Deborah Plummer
Penerbit : Jessica Kingsley

A healthy level of individual self-esteem is the foundation for emotional, physical and social well-being. People who value themselves and who recognize their own skills are likely to live fulfilling and rewarding lives and will tend to attract genuine liking and respect from others. Conversely, low levels of self-esteem have been linked with such personal and social concerns as school failure, depression, social anxiety, violence and substance abuse.

This book follows on from the widely acclaimed *Helping Children to Build Self-Esteem*. It is filled with simple, practical and innovative ideas for supporting the development and maintenance of healthy self-esteem. Based on the author's clinical experience, the easy-to-use photocopiable activity sheets encourage participants to draw on existing skills and to develop new approaches to building confidence and feelings of self-worth. These exercises are suitable for work with individuals and with groups and will prove an indispensable aid to building self-esteem in adolescents and adults.